


Selat Johor 'mati'

Program pemulihan dalam RMKe-12



[Foto Hairul Anuar Rahim/BH]

Lapisan minyak di muara Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.

Rancangan jangka panjang menyeluruh atasi masalah

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program pemulihan membabitkan sungai di Johor yang mengalir ke Selat Johor akan dilaksanakan menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar, mengesahkan sudah menerima laporan mengenai beberapa

sungai, termasuk di negeri itu yang 'mati' akibat pencemaran berterusan atas pelbagai faktor.

"Kita akan 'mengembalikan' semula sungai ini. Bagaimanapun, ia tidak boleh dilakukan begitu sahaja kerana pencemaran berlaku sejak sekian lama, selain tidak boleh menjangka hasilnya akan diperoleh dalam masa singkat.

"Kita perlu ada rancangan jangka panjang yang menyeluruh dan itu yang kita beri perhatian dalam RMKe-12," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, semalam.

Beliau diminta mengulas laporan muka depan BH kelmarin mengenai Selat Johor yang 'mati' akibat pencemaran.

Kita perlu ada rancangan jangka panjang yang menyeluruh dan itu yang kita beri perhatian dalam RMKe-12.

Xavier Jayakumar,
Menteri Air, Tanah
dan Sumber Asli

Ia termasuk pembuangan sisa toksik secara haram sejak lebih 10 tahun lalu yang mengancam hidupan laut dan menjadikan mata pencarian nelayan.

Tinjauan BH di beberapa sungai di sekitar selat itu termasuk Sungai Kim Kim, mendapati aliran seakan-akan minyak hitam pekat mengalir dari hilir sungai serta lapisannya mencemari Sungai Kim Kim yang bersambung dengan Selat Johor.

Bagi langkah jangka pendek untuk pembersihan dan pemuliharaan sungai, Xavier berkata, pihaknya bekerjasama dengan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) di Selangor dan SAJ Ranhill Sdn Bhd (SAJ) di Pasir Gudang serta Johor Bahru.